

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KAPAR]**

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pelaburan yang dimiliki oleh Tabung Haji yang kini menjadi beban hutang (liabiliti) dan apakah tindakan di peringkat Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **TH** mempunyai beberapa kelas pelaburan utama terdiri daripada Aset Pendapatan Tetap (Sukuk), Ekuiti, Hartanah dan Instrumen Pasaran Wang.

Pelaburan **TH** disandarkan kepada Strategi Aset Alokasi (SAA) yang berteraskan pelaburan patuh syariah yang memberi pulangan stabil dan mampan seperti berikut:-

- Aset Pendapatan Tetap sebanyak 55%;
- Ekuiti sebanyak 25%;
- Hartanah sebanyak 15%; dan
- Instrumen Pasaran Wang sebanyak 5%.

Semua aset pelaburan ini terdedah kepada risiko pelaburan seperti perubahan *fundamental* perniagaan sesebuah syarikat serta naik turun pasaran dalam dan luar negara. Sebagai contoh, wabak Covid-19 memberi kesan negatif kepada kedudukan ekonomi dan pasaran seluruh dunia, termasuk Malaysia, yang akan mempengaruhi pelaburan **TH**.

Kerajaan akan sentiasa memantau dan menilai prestasi pelaburan **TH**, oleh kerana **TH** merupakan institusi kewangan Islam terbesar serta memainkan peranan yang amat signifikan, khususnya dalam memegang amanah pendeposit-pendeposit umat Islam. Justeru, segala pelaburan dan urusan niaga yang dijalankan oleh **TH** akan sentiasa akan diteliti oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

Sekian. Terima kasih.